

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 121**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan faktor penurunan jumlah murid-murid yang mengambil subjek-subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bagi tempoh tahun 2010 hingga 2018. Nyatakan peruntukan yang disediakan dan objektif kempen STEM4ALL yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil langkah memperkenalkan Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam usaha menggalakkan murid mengikuti bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di peringkat menengah dan lepas menengah. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan jumlah murid yang mengambil subjek STEM ialah:

- i. Proses PdP lebih berpusatkan guru dan tidak menggalakkan murid untuk berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif. Ini menyebabkan murid hilang minat kepada mata pelajaran STEM dan menganggap mata pelajaran STEM sukar dan tidak menarik.
- ii. Kesedaran ibu bapa terhadap tujuan pembelajaran STEM dan kaitannya dengan kehidupan harian masih rendah malah ibu bapa menganggap bidang STEM tidak menjanjikan peluang pekerjaan

## **NO. SOALAN: 121**

yang baik. Hal Ini menyebabkan ibu bapa cenderung untuk menggalakkan anak mereka memilih aliran sastera.

Bagi mengatasi isu ini, KPM sedang melaksanakan Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM dengan objektif meningkatkan minat dan kesedaran murid, kemahiran guru dan kesedaran ibu bapa terhadap STEM.

Bagi menarik minat murid dan memastikan mereka betul-betul memahami perkara yang dipelajari, KPM melalui Pusat STEM Negara sedang melatih guru sains dan matematik dalam pembelajaran berasaskan inkuiri. Latihan diberikan secara hands-on supaya guru dapat melaksanakannya pula bersama murid di dalam kelas masing-masing. Modul pembelajaran secara inkuiri bagi mata pelajaran sains diambil daripada Yayasan La Main Ala Pate manakala bagi mata pelajaran matematik dibangunkan dengan kepakaran pensyarah dan guru di Malaysia.

Walau bagaimanapun, di peringkat universiti pula iaitu dari tahun 2004 hingga 2018, secara puratanya peratusan permohonan ke program Sarjana Muda di Universiti Awam (UA) iaitu bagi aliran Sastera adalah lebih tinggi berbanding aliran Sains dengan jumlah peratus sebanyak 58% pelajar aliran sastera berbanding 42% pelajar aliran Sains. Manakala dari segi penawaran tempat kepada pelajar aliran Sains di UA secara purata telah mencapai 55% berbanding purata pelajar aliran Sastera sebanyak 45%. Hal ini jelas menunjukkan bilangan tempat yang disediakan oleh UA lebih banyak diperuntukkan kepada pelajar aliran Sains berbanding pelajar aliran Sastera.

Pada tahun 2018, sebanyak 9,000 orang pelajar aliran Sastera berbanding hanya 1,000 pelajar aliran Sains yang tidak berjaya ditawarkan tempat pengajian di UA disebabkan bilangan permohonan di kalangan calon aliran sastera lebih tinggi berbanding calon aliran Sains. Terdapat pelajar aliran Sastera dengan PNGK 3.00 yang tidak berjaya mendapat tempat pengajian berbanding pelajar aliran Sains, dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.75 ditawarkan tempat pengajian bagi program-program Sains seperti Kejuruteraan, Komputer, Teknologi dan sebagainya. Senario ini menunjukkan terdapat peningkatan permohonan

## **NO. SOALAN: 121**

dan tawaran dalam kalangan pelajar aliran Sastera dan penurunan pelajar aliran Sains di dalam akses ke pendidikan tinggi.

Kementerian dengan kerjasama UA dan agensi berkaitan sentiasa menggalakkan dan bersedia menerima pelajar yang ingin mengikuti pengajian dalam bidang STEM. Bagi tujuan tersebut, Kementerian banyak melaksanakan pelbagai aktiviti dari masa ke semasa untuk menarik minat pelajar supaya memilih bidang STEM di peringkat pengajian tinggi dan seterusnya menggalakkan penglibatan tenaga kerja dalam bidang berkenaan.

Berhubung kempen STEM4All, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, STEM4All adalah halatuju yang diketengahkan oleh KPM untuk Pendidikan STEM di Malaysia. STEM4All bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan Pendidikan STEM dalam kehidupan seharian semua pihak, tidak kira apa latar belakang sosioekonomi, jantina, ataupun kelainan upaya (differently-abled). Dengan STEM4All, KPM berhasrat untuk meningkatkan minat dalam kalangan murid terhadap bidang STEM. Antara pendekatan yang diambil adalah dengan mengetengahkan sumbangan STEM kepada kesejahteraan masyarakat dan menonjolkan ahli profesional bidang STEM serta pencapaian mereka dengan hasrat mencetus minat murid untuk menceburi bidang STEM.

Kempen STEM4All tidak menggunakan sebarang peruntukan khas untuk dilaksanakan dan sebaliknya aktiviti-aktiviti sedia di bawah Inisiatif Pengukuhan STEM seperti Kolokium STEM dan STEM at Island serta kerjasama dengan rakan strategik pihak swasta seperti Petrosains dan Microsoft yang dirangkum dan dipakej menjadi satu gerakan untuk menjadikan Pendidikan STEM penting dan relevan untuk semua.

Sekian, terima kasih.

RJM 26